

Interpersonal Communication Between Local Students and West Asian Students At Universiti Kebangsaan Malaysia

Komunikasi Interpersonal Pelajar Tempatan dengan Pelajar Asia Barat di Universiti Kebangsaan Malaysia

Mohammad Abdillah Samsuiman
kalamhamba85@yahoo.com
Department of Arabic Studies and Islamic Civilization
Faculty of Islamic Studies
Universiti Kebangsaan Malaysia

Asma Benjaman
l_humairah@yahoo.com
Department of al-Quran and Sunnah
Faculty of Islamic Studies
Universiti Kebangsaan Malaysia

Zamri Arifin
abuzaim@ukm.my
Department of Arabic Studies and Islamic Civilization
Faculty of Islamic Studies
Universiti, Kebangsaan Malaysia

Hakim Zainal
haza@ukm.my
Department of Arabic Studies and Islamic Civilization
Faculty of Islamic Studies
Universiti Kebangsaan Malaysia

Article received on 6 January 2014. Article published online on 25 Mac 2015.

Abstrac

This study is to determine the level of interpersonal communication environment, the level of comfort of interpersonal communication and perception between local and West Asian students at Universiti Kebangsaan Malaysia. Some 40 students living at Ibu Zain International Student House (IZISH UKM) were chosen for the study. They were given a questionnaire which was verified by experts. Data analysis showed that the positive level of comfort of interpersonal communication cross-cultural between local and West Asian students while the level of interpersonal communication environment was moderate.

The perception's level of the relationship between UKM students cross-cultural interpersonal communication and West Asian's students was positive. The result from the study showed that, the factor affecting cross-cultural interpersonal communication of local students and West Asian students were; a) language differences, b) lack of activity together, c) does not visit each other, d) the isolation between students' block, e) the negative perception on the attitude of Western Asian's student. Several suggestions have been made as an initiative that could reduce the gap of cross-cultural interpersonal communication relationship between local and West Asian students.

Keyword: Interpersonal Communication, Cross-cultural, local student (UKM), West Asian student

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap suasana komunikasi interpersonal, tahap keselesaan komunikasi interpersonal dan persepsi pelajar tempatan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) terhadap pelajar Asia Barat. Satu kajian lapangan telah dilakukan terhadap 40 orang pelajar yang tinggal di Kolej Antarabangsa Ibu Zain (IZISH, UKM) dengan menggunakan soal selidik. Tahap kewajaran ujian dan soalan dinilai dan diperakukan oleh pakar akademik sebelum kajian dilaksanakan. Analisis data kajian menunjukkan bahawa tahap suasana komunikasi interpersonal silang budaya pelajar UKM dengan pelajar Asia Barat adalah berada pada tahap yang positif. Manakala tahap keselesaan komunikasi interpersonal silang budaya pelajar UKM dengan pelajar Asia Barat adalah berada pada tahap yang sederhana dan perlu ditingkatkan ke arah yang lebih baik. Dari sudut persepsi pula, tahap persepsi hubungan komunikasi interpersonal silang budaya pelajar UKM dengan pelajar Asia Barat adalah positif. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa antara punca yang menjadi gangguan kepada komunikasi interpersonal silang budaya pelajar UKM dengan pelajar Asia Barat ialah: perbezaan bahasa, kurang aktiviti bersama, tidak wujud budaya ziarah menziarahi, pengasingan blok kediaman dan persepsi yang negatif terhadap sebahagian daripada sikap pelajar Asia Barat. Beberapa cadangan telah dikemukakan sebagai inisiatif yang boleh diambil untuk merencanakan lagi hubungan komunikasi interpersonal silang budaya pelajar UKM dengan pelajar Asia Barat.

Kata Kunci: Komunikasi Interpersonal, Silang Budaya, Pelajar Tempatan (UKM), Pelajar Asia Barat

Pengenalan

Hubungan Malaysia dan Asia Barat mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Agama Islam yang menjadi agama rasmi Negara Malaysia berasal dari rantau berkenaan telah sekian lama mendasari peradaban di negara kita. Kini, di bawah era globalisasi, hubungan budaya-agama ini telah menyubur luas ke bidang pelaburan, kerjasama teknikal, perdagangan, pendidikan dan pelancongan. Namun, isu silang budaya dan pertembungan perhubungan Malaysia – Asia Barat masih lagi kabur untuk difahami antara kedua-dua pihak terutama dalam konteks persepsi rakyat Malaysia dan kepercayaan hubungan interpersonal. Sehubungan itu, terjadilah salah faham dalam memahami mesej semasa penyampaian sesuatu maksud dalam proses hubungan komunikasi dua hala. Keadaan ini tentunya disebabkan oleh kelemahan memahami komunikasi serta kepercayaan antara satu sama lain (Anzaruddin Ahmad, 2010).

Hubungan komunikasi interpersonal merupakan saluran utama dalam mengeratkan hubungan antara pelajar tempatan dengan pelajar Asia Barat. Menurut Saodah et al. (2006), komunikasi interpersonal berlaku antara dua individu bagi mencapai persefahaman yang melibatkan hubungan positif yang berkekalan seperti kemesraan, kepercayaan, tolong menolong, berkongsi keyakinan, serta tindakan secara spontan. Cara berkomunikasi yang sepatutnya juga harus diketahui supaya proses pembentukan hubungan dapat berjalan dengan baik dan memenuhi keperluan semua pihak. Komunikasi interpersonal berlaku atas pelbagai sebab iaitu untuk menyelesaikan masalah, menyelesaikan konflik, berkongsi maklumat, membaiki persepsi diri atau memenuhi keperluan sosial seperti ingin menyayangi dan disayangi (Wan Mohd 2002).

Hakim Zainal & Salmah Hj. Ahmad (2010) telah membangkitkan isu yang dimuatkan dalam sebuah portal media bahawa sehingga Disember 2005, bilangan pelajar asing yang belajar di Malaysia ialah seramai 55,469 orang yang berasal dari 150 buah negara. Daripada jumlah ini, 6,000 orang pelajar adalah yang datang dari Asia Barat. Apabila dilihat kepada statistik kemasukan pelajar Asia Barat ke pengajian peringkat Sarjana dan Doktor falsafah di UKM sehingga Disember 2010, bilangan mereka adalah seramai 1,495 orang. Daripada 10 kedudukan teratas pelajar luar negara di UKM, laman daripadanya adalah pelajar dari Asia Barat iaitu Iran, Libya, Iraq, Jordan, Yemen, Palestin, Nigeria dan Sudan. Sehubungan itu adalah wajar pihak pengurusan semua universiti tempatan untuk diberi tanggungjawab mengeluarkan tenaga kerja profesional yang cekap bukan sahaja dalam kemahiran berbahasa Arab tetapi pengetahuan tentang budaya masyarakat Arab (Anzaruddin Ahmad, 2010). Namun, yang menjadi fokus dalam kajian ini ialah isu silang budaya dan pertembungan perhubungan Malaysia – Asia Barat yang masih lagi kabur untuk difahami antara kedua-dua pihak terutama dalam konteks persepsi rakyat Malaysia dan kepercayaan hubungan interpersonal. Sehubungan itu, terjadilah salah faham dalam memahami mesej semasa penyampaian sesuatu maksud dalam proses hubungan komunikasi dua hala. Keadaan ini tentunya disebabkan oleh kelemahan memahami komunikasi serta kepercayaan antara satu sama lain.

Menurut pandangan Deddy Mulyana (2005), hubungan antara budaya dan komunikasi difahami untuk memahami komunikasi silang budaya. Hal ini disebabkan melalui pengaruh budayalah orang-orang belajar berkomunikasi. Dalam banyak hal hubungan antara budaya dan komunikasi bersifat timbal balik. Keduanya saling mempengaruhi dan sering dikaitkan antara satu sama yang lain. Apa yang seseorang itu bicarakan, bagaimana seseorang itu membicarakannya, apa yang seseorang itu lihat,

perhatikan atau abaikan, bagaimana seseorang itu berfikir dan apa yang seseorang itu fikirkan dipengaruhi oleh budaya. Budaya tidak akan hidup tanpa komunikasi dan begitu jugalah sebaliknya masing-masing tidak akan berubah tanpa menyebabkan perubahan pada yang lain.

Menurut Jamaliah (2001) dalam Anzaruddin Ahmad (2010), memandangkan masyarakat kini lebih bersifat multietnik dan multibudaya, lebih-lebih lagi dalam konteks globalisasi, kemahiran berkomunikasi silang budaya adalah sangat penting untuk dipertingkatkan dengan meluas. Ini perlu memandangkan perilaku manusia ditunjangi oleh konteks sosial dan budaya di mana dia berada. Manakala menurut Gumperz (1983) dalam Anzaruddin Ahmad (2010), kekurangan pengetahuan tentang bahasa serta budaya sesebuah masyarakat merupakan punca utama salah faham dalam kalangan penutur, terutamanya penutur dari berbilang masyarakat dan budaya.

Menurut Zulkifli Yusof (2000), komunikasi silang budaya tidak harus menjadi tembok penghalang perpaduan dan kemajuan, sebaliknya sebagai keunikan dan sumber kekuatan bagi melonjakkan pelajar ke hadapan dan dapat meningkatkan tahap keintelektualan pelajar sebagai pelajar yang berdaya saing. Silang budaya dapat memberikan jati diri kepada sesuatu kumpulan pelajar. Silang budaya memberikan lonjakan kepada pelajar bukan saja untuk melihat dunia dan masyarakatnya, tetapi juga dunia luar, selain membantu mereka melihat dan mentakrif diri sendiri dan masyarakatnya. Ia menyemai, membentuk dan menentukan sikap, nilai, persepsi, malah perlakuan dan tindakan seseorang pelajar itu ketika berinteraksi, berkomunikasi dan bekerja dengan pelajar antarabangsakan lain sama ada di dalam institut pengajian, pasar, di tempat kerja atau di sesuatu majlis.

Justeru itu, kajian ini merupakan kajian yang menjurus kepada komunikasi interpersonal antara budaya pelajar tempatan dengan pelajar Asia Barat. Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi pelajar UKM terhadap kepercayaan komunikasi interpersonal silang budaya dalam kalangan pelajar Asia Barat, mengetahui tahap suasana komunikasi interpersonal silang budaya di antara pelajar tempatan dengan pelajar Asia Barat dan mengenal pasti tahap keselesaan komunikasi interpersonal silang budaya di antara pelajar tempatan dengan pelajar Asia Barat di UKM.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan satu set soal selidik yang meliputi tahap suasana komunikasi interpersonal silang budaya, tahap keselesaan dan persepsi pelajar tempatan terhadap sikap pelajar Asia Barat. Sampel kajian yang telah dipilih adalah seramai 40 orang yang dipilih secara rawak mudah dari IZISH, UKM.

Dapatan Kajian

Demografi Responden

Hasil daripada data yang diperolehi melalui soal selidik, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan responden adalah berumur sekitar 19-23 tahun yang melibatkan 28 orang lelaki dan 12 orang perempuan. Responden juga terdiri daripada 36 orang berbangsa Melayu, 2 orang India, 1 orang Cina dan 1 orang Kadazan Dusun. Bilangan responden keseluruhannya merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda yang

terdiri daripada pelbagai bidang pengajian. Pengkaji juga, mendapati bahawa semua responden pernah berkomunikasi dengan warga asing. Ini menunjukkan bahawa semua responden sesuai untuk menjawab soal selidik ini.

Tahap Suasana Komunikasi

Untuk memperlihatkan corak kecenderungan jawapan responden skala penstoran dibentuk. Penskoran dibuat bagi mengukur tahap kecenderungan suasana/iklim interaksi antara pelajar tempatan dengan Asia Barat sama ada lebih kepada positif atau negatif. Skala penstoran yang digunakan adalah 60 dan lebih (> 60) berkecenderungan suasana/iklim interaksi lebih positif manakala 59 dan kurang daripada (< 59) berkecenderungan suasana/iklim interaksi lebih negatif.

Jadual 1 : Skor tahap suasana interaksi antara pelajar tempatan dengan Asia Barat

Tahap	skor	kekerapan	peratus
Positif	1-60	9	22.5
Negatif	61-100	31	77.5
Jumlah		40	100.0

Sumber: soal selidik, 2013

Hasil dari skala penstoran yang dibentuk untuk melihat kecenderungan suasana interaksi antara pelajar tempatan dengan Asia Barat menunjukkan situasi yang lebih positif (57%) mengatasi suasana interaksi yang lebih negatif yang menunjukkan peratusan sebanyak 43 %. Oleh itu suasana interaksi di dalam kampus adalah menunjukkan kecenderungan kepada keadaan yang positif.

Tahap Keselesaan Komunikasi Interpersonal

Untuk memperlihatkan corak kecenderungan jawapan responden skala penstoran dibentuk. Penstoran dibuat bagi mengukur tahap keselesaan interaksi antara pelajar tempatan dengan Asia Barat sama ada rendah, sederhana atau tinggi. Skala penstoran yang digunakan adalah 80 dan lebih (> 80) menunjukkan tahap keselesaan interaksi yang tinggi, skor 51-79 menunjukkan tahap keselesaan interaksi yang sederhana dan 50 dan kurang daripada 50 (< 50) menunjukkan tahap keselesaan interaksi yang rendah.

Jadual 2 : Skor tahap keselesaan interaksi antara pelajar tempatan dengan Asia Barat

Tahap	Skor	Kekerapan	peratus
Rendah	1-50	1	2.5
Sederhana	51-79	20	50.0
Tinggi	80-110	19	47.5
Jumlah		40	100.0

Sumber: soal selidik, 2013.

Hasil daripada penstoran hanya 2.5 % sahaja daripada responden yang menyatakan tidak selesa dengan interaksi antara kaum di dalam kampus. Berbanding dengan 50 % berada pada tahap sederhana dan bakinya 47.5 % berada pada tahap penyelesaian yang tinggi.

Persepsi Hubungan Komunikasi Interpersonal Silang Budaya

Penstoran dibuat bagi mengukur persepsi hubungan antara pelajar tempatan dengan Asia Barat sama ada positif atau negatif. Skala penstoran yang digunakan adalah 66 dan lebih (> 66) menunjukkan persepsi yang positif, dan skor 65 dan kurang (< 65) menunjukkan persepsi yang negatif. Carta 3 memperlihatkan bahawa hanya 17.5 % sahaja daripada responden yang memberikan persepsi hubungan antara pelajar tempatan dengan Asia Barat di dalam kampus IZISH, UKM adalah negatif. Berbanding dengan 82.5 % lagi menyatakan persepsi hubungan pelajar tempatan dengan Asia Barat di dalam kampus IZISH, UKM adalah positif.

Jadual 3: Tahap persepsi hubungan komunikasi interpersonal silang budaya

Tahap	Skor	Kekerapan	peratus
Positif	1-66	7	17.5
Negatif	67-110	33	82.5
Jumlah		40	100.0

Sumber: soal selidik, 2013

Hubungan antara suasana interaksi, tahap penyelesaian interaksi dan persepsi pelajar tempatan terhadap pelajar Asia Barat

Kaedah statistik inferens iaitu ujian Kolerasi Pearson digunakan untuk melihat perhubungan antara dua pemboleh ubah. Jadual 4 memperlihatkan dapatan kajian mengenai hubungan antara suasana interaksi, tahap penyelesaian interaksi dan persepsi terhadap hubungan pelajar tempatan dengan Asia Barat di IZISH, UKM. Jadual menunjukkan bahawa nilai r adalah 0.106 dan ia adalah signifikan pada aras .01 ($r = 0.108 : p < 0.01$) untuk pemboleh ubah suasana/iklim interaksi antara pelajar tempatan dengan Asia Barat dengan tahap penyelesaian interaksi antara hubungan pelajar tempatan dengan Asia Barat di IZISH, UKM. Manakala nilai r adalah 0.149 dan ia adalah signifikan pada aras .01 ($r = 0.149 : p < 0.01$) untuk pemboleh ubah suasana/iklim interaksi antara pelajar tempatan dengan Asia Barat di IZISH, UKM dengan persepsi terhadap hubungan antara hubungan pelajar tempatan dengan Asia Barat. Manakala nilai r adalah .251 dan ia adalah signifikan pada aras .01 ($r = .251 : p < 0.01$) untuk pemboleh ubah tahap penyelesaian berinteraksi antara pelajar tempatan dengan Asia Barat dengan persepsi antara pelajar tempatan dengan Asia Barat di UKM.

Dengan itu terdapat hubungan yang positif yang signifikan untuk pemboleh ubah suasana/iklim interaksi antara pelajar tempatan dengan Asia Barat, tahap penyelesaian interaksi antara pelajar tempatan

dengan Asia Barat dan persepsi pelajar terhadap hubungan antara pelajar tempatan dengan Asia Barat. Ini bermakna suasana/iklim interaksi antara pelajar tempatan dengan Asia Barat yang positif akan memberikan tahap keselesaan berinteraksi antara pelajar tempatan dengan Asia Barat yang tinggi dan menunjukkan persepsi hubungan antara pelajar tempatan dengan Asia Barat di IZISH, UKM yang positif. Begitu juga tahap keselesaan berinteraksi antara pelajar tempatan dengan Asia Barat yang tinggi menunjukkan suasana/iklim interaksi antara pelajar tempatan dengan Asia Barat yang lebih positif dan persepsi hubungan antara pelajar tempatan dengan Asia Barat di dalam kampus yang lebih positif juga. Begitu juga persepsi hubungan antara pelajar tempatan dengan Asia Barat di dalam kampus yang positif menunjukkan tahap keselesaan berinteraksi antara pelajar tempatan dengan Asia Barat yang tinggi dan suasana/iklim interaksi antara pelajar tempatan dengan Asia Barat yang lebih positif.

Jadual 4: Hubungan antara suasana interaksi, tahap keselesaan interaksi dan persepsi pelajar tempatan terhadap pelajar Asia Barat

		Persepsi	Suasana	keselesaan
Persepsi	r	1	.382(*)	.380(*)
	p	.	.015	.016
	n	40	40	40
Suasana	r	.382(*)	1	.554(**)
	p	.015	.	.000
	n	40	40	40
keselesaan	r	.380(*)	.554(**)	1
	p	.016	.000	.
	n	40	40	40

** kolerasi adalah signifikan pada aras 0.01

* kolerasi adalah signifikan pada aras 0.05

Perbincangan Dapatan Kajian

Sebagai menjawab persoalan kajian berhubung dengan tahap suasana komunikasi interpersonal silang budaya, tahap keselesaan komunikasi interpersonal silang budaya dan persepsi pelajar UKM terhadap komunikasi interpersonal silang budaya dengan pelajar Asia Barat, kajian mendapati bahawa secara keseluruhannya berada pada tahap yang baik.

Merujuk kepada tahap suasana komunikasi interpersonal silang budaya di IZISH, UKM, hasil kajian mendapati bahawa komunikasi interpersonal antara pelajar tempatan dengan pelajar Asia Barat berjalan dengan sewajarnya. Kesemua responden mengatakan bahawa mereka pernah berkomunikasi dengan pelajar Asia Barat. Responden mengatakan bahawa mereka mendapat pengalaman baru hasil daripada proses komunikasi yang berlaku. Hal ini menggambarkan bahawa wujud perpindahan maklumat hasil daripada proses komunikasi. Sesuai dengan teori yang dikemukakan oleh Wilbur

Schramm dalam Suprato (2006, 2-3) yang menyatakan bahawa komunikasi sebagai suatu proses perkongsian (*sharing process*). Schramm menghuraikannya sebagaimana berikut:

“Komunikasi berasal dari kata-kata (bahasa) Latin iaitu *communis* yang bererti umum (common) atau bersama. Apabila kita berkomunikasi, sebenarnya kita sedang berusaha menumbuhkan suatu kebersamaan (*commonnes*) dengan seseorang. Iaitu kita berusaha berkongsi informasi, idea atau sikap. Seperti dalam huraian ini, misalnya saya sedang berusaha berkomunikasi dengan para pembaca untuk menyampaikan idea bahawa hakikat sebuah komunikasi sebenarnya adalah usaha membuat penerima atau pemberi komunikasi memiliki pengertian (pemahaman) yang sama terhadap pesan tertentu”.

Dari sudut penggunaan bahasa pula, kajian mendapati bahawa kebanyakan responden mengatakan bahawa mereka berkomunikasi dengan pelajar Asia Barat dengan menggunakan bahasa Inggeris. Mereka jarang sekali menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Arab untuk berkomunikasi dengan pelajar Asia Barat. Keadaan ini merupakan antara faktor yang boleh menjadi gangguan kepada proses komunikasi interpersonal. Sepertimana yang kita maklumi bahawa pelajar Asia Barat kebanyakannya menggunakan bahasa Arab dalam perbualan mereka, manakala pelajar tempatan menggunakan bahasa kebangsaan. Menurut pendapat yang telah dikemukakan oleh Abdullah Sukor (2008), antara masalah-masalah yang dikenal pasti menjadi gangguan kepada proses komunikasi interpersonal silang budaya adalah masalah dari segi penggunaan bahasa, ketidakjelasan suara komunikator, wujudnya komunikasi tertutup, kegagalan seseorang mengawal emosi dan gangguan luaran. Sementara itu, masalah ketidakberkesanan dalam proses komunikasi merupakan halangan yang boleh menimbulkan masalah dalam proses komunikasi interpersonal. Menurut Abd. Rahim pula (2003), antara masalah-masalah utama yang menjadi gangguan terhadap proses komunikasi adalah disebabkan oleh faktor kekeliruan terhadap penggunaan bahasa dan ayat, salah tafsir dan persepsi yang berbeza terhadap sesuatu perkara, mempunyai persepsi negatif terhadap orang lain, masalah bahasa yang kurang jelas dan mengelirukan, bahasa gerak geri yang kurang difahami, masalah kejelasan suara, tekanan emosi, kurangnya perhatian atau tumpuan serta berlakunya komunikasi tertutup.

Dapatan kajian yang diperolehi menggambarkan bahawa tahap penyelesaian komunikasi interpersonal silang budaya dengan pelajar Asia Barat berada pada tahap yang sederhana dan perlu diperbaiki. Dapatan kajian mendapati bahawa antara faktor yang mempengaruhi keadaan ini disebabkan oleh kebanyakan responden tidak memahami budaya pelajar Asia Barat. Responden juga tidak mengamalkan budaya ziarah menziarahi untuk menambah pengetahuan mengenai budaya orang lain. Menurut pandangan Deddy Mulyana (2005):

“Hubungan antara budaya dan komunikasi difahami untuk memahami komunikasi silang budaya. Hal ini disebabkan melalui pengaruh budayalah orang-orang belajar berkomunikasi. Dalam banyak hal, hubungan antara budaya dan komunikasi bersifat timbal balik. Keduanya saling mempengaruhi dan sering dikaitkan antara satu sama yang lain. Apa yang kita bicarakan, bagaimana kita membicarakannya, apa yang kita lihat, perhatikan atau abaikan, bagaimana kita berfikir dan apa yang kita fikirkan dipengaruhi oleh budaya. Budaya tidak akan hidup tanpa komunikasi begitu jugalah sebaliknya”.

Melalui kajian ini juga, didapati bahawa kebanyakan responden mempunyai persepsi yang positif terhadap pelajar Asia Barat. Persepsi membawa maksud apa yang ada dalam diri individu, fikiran, perasaan, pengalaman-pengalaman individu akan ikut aktif berpengaruh dalam proses persepsi. Oleh kerana itu, setiap individu memberikan pandangan dan penglihatan kepada stimulus secara berbeza meskipun objeknya sama. Iaitu bagaimana cara seseorang melihat dan menilai sesuatu mengikut pandangannya sendiri. Definisi ini dikemukakan oleh Ahmad Zaidi (1990:13).

Namun begitu, beberapa persepsi negatif yang ada pada pelajar tempatan terhadap pelajar Asia Barat perlu dikikis dan diubah. Contohnya seperti persepsi negatif mereka terhadap kejujuran pelajar Asia Barat. Hal ini boleh menghalang kelangsungan komunikasi silang budaya. Menurut Burrough & Tomblin (1990: 485), keupayaan komunikasi yang mempengaruhi dan membentuk persepsi individu lain juga dianggap sebagai faktor penting dalam menjalin hubungan interpersonal yang berkualiti. Menurut Saodah et al. (2006), komunikasi interpersonal berlaku antara dua individu bagi mencapai persefahaman yang melibatkan hubungan positif yang berkekalan seperti kemesraan, kepercayaan, tolong menolong, berkongsi keyakinan, serta tindakan secara spontan. Cara berkomunikasi yang sepatutnya juga harus diketahui supaya proses pembentukan hubungan dapat berjalan dengan baik dan memenuhi keperluan semua pihak.

Untuk merancakkan lagi proses komunikasi, penampilan seseorang individu juga perlu diambil perhatian kerana menurut Bryan (2004), perhatian dan tarikan terhadap hubungan inter personal juga boleh terjalin melalui penampilan seseorang individu yang dapat menarik perhatian individu lain seperti ketampanan, kecantikan, kebersihan diri, kekemasan, gaya berjalan, dan kemesraan. Dengan erti kata lain, impresif terhadap penampilan seseorang individu adalah antara pengaruh yang dapat meningkatkan keberkesanan dalam menjalin hubungan komunikasi interpersonal di antara seseorang individu dengan individu lain.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati beberapa masalah yang dihadapi oleh pelajar Malaysia dalam berinteraksi dengan pelajar Asia Barat perlu diambil perhatian. Antara masalah-masalahnya ialah kebanyakan responden tidak mahir berbahasa Arab menyebabkan mereka menggunakan bahasa Inggeris untuk berkomunikasi dengan pelajar Asia Barat. Keadaan ini merupakan masalah utama yang menjadi gangguan dalam proses komunikasi kerana seperti yang kita maklumi bahawa pelajar Asia Barat lebih mahir berbahasa Arab daripada berbahasa Inggeris. Masalah-masalah lain ialah pelajar Asia Barat tidak berminat menyertai aktiviti ko-kurikulum yang dianjurkan sama ada oleh pihak kolej ataupun pihak UKM, pelajar tempatan tidak menggunakan peluang yang ada untuk berkomunikasi dengan pelajar Asia Barat. Selain itu, mereka juga tidak memahami budaya sebenar pelajar Asia Barat serta kurangnya amalan ziarah menziarahi antara pelajar tempatan dan pelajar Asia Barat dan pelajar tempatan juga kurang mempercayai pelajar Asia Barat kerana meragui kejujuran mereka.

Kesimpulan

Banyak perkara yang perlu diusahakan untuk mengatasi masalah-masalah komunikasi interpersonal pelajar tempatan dengan pelajar Asia Barat. Antaranya ialah pihak universiti atau pihak yang

bertanggungjawab harus mengadakan program yang dapat meningkatkan kemahiran berbahasa Arab, di mana ia tidak perlu dikhususkan untuk pelajar fakulti Pengajian Islam sahaja. Selain itu, pihak yang bertanggungjawab perlu memperbanyakkan program atau aktiviti ko-kurikulum yang melibatkan pelajar Asia Barat dan pelajar tempatan agar mereka mempunyai peluang untuk berinteraksi antara satu sama lain dan saling bertukar maklumat tentang budaya masing-masing. Pihak universiti juga perlu menghidupkan semula budaya ziarah menziarahi antara pelajar tempatan dan pelajar Asia Barat bagi mengeratkan lagi hubungan sesama mereka. Apa yang paling penting ialah pelajar tempatan perlu bijak menggunakan peluang yang ada untuk berinteraksi dengan pelajar Asia Barat bagi memahami budaya mereka, sifat mereka dan menambahkan kepercayaan terhadap mereka.

Daripada dapatan kajian yang diperolehi juga, kajian mendapati bahawa suasana komunikasi di IZISH, UKM akan menjadi penentu kepada tahap keberhasilan komunikasi silang budaya dan membentuk persepsi pelajar UKM terhadap pelajar Asia Barat dalam komunikasi silang budaya sama ada ke arah positif atau negatif.

Rujukan

- Abd. Hair Awang, Zaimah Ramli & Izzurazlia Ibrahim. 2012. Faktor Tarikan Pelajar Siswazah Ke Universiti Penyelidikan di Malaysia. *GEOGRAFIA Online TM Malaysian Journal Of Society And Space 8 Issue 6 (32 - 41)*.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. 2003. *Profesionalisme Motivasi Pengurusan Bilik Darjah*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Abdullah Sukor Shaari. 2008. *Guru Berkesan, Petua dan Panduan*. Sintok : Universiti Utara Malaysia
- Ahmad Zaidi Johari.1990. *Persepsi Pelajar-Pelajar Terhadap Tingkah Laku Mengajar dan Persepsi Guru dan Pelajar Terhadap Tingkah Laku Belajar, Mata Pelajaran Ekonomi Tingkatan Enam*. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Anzaruddin Ahmad. 2010. *Perkembangan Pelaburan Malaysia dalam Sektor Minyak di Asia Barat: Cabaran Terhadap Isu Budaya dan Bahasa Tempatan*. Dlm. Wan Kamal Mujani, Maznah Hj Ibrahim, Fadhilah Mustapha & Siti Rugayah Hj Tibek. 2010 (pnyt). *Prospek dan Cabaran dalam Hubungan Malaysia – Asia Barat*. Bangi: Institut Kajian Rantau Asia Barat, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Burroughs, E., & Tomblin, JB. 1990. Speech and Language Correlates of Adults Judgments of Childrens. *Journal of Speech and Hearing Disorders 55*.
- Dearana Morshidi. 2010. *Hubungan Ibadat Solat Fardu dan Penghayatan Akhlak Pelajar: Kajian di Bahagian Miri, Sarawak*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Deddy Mulyana. 2001. *Ilmu Komunikasi: Suatu Pengantar*. Bandung: Rosda.

Fullan.1991. *Organizational Behavior*. New jersey : Prentice Hall.

Hakim Zainal & Salmah Hj. Ahmad. 2010. *Pengaruh Bahas Arab terhadap kemasukan pelajar Asia Barat di IPT di Malaysia: Kes UKM*. Dlm. Wan Kamal Mujani, Maznah Hj Ibrahim, Fadhilah Mustapha & Siti Rugayah Hj Tibek. 2010 (pnyt). *Prosopek dan Cabaran dalam Hubungan Malaysia – Asia Barat*, Bangi: Institut Kajian Rantau Asia Barat, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saodah Wok, Narimah Ismail & Mohd.YusofHussain. 2006. *Teori-teori Komunikasi*. Pahang : PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.

Suprpto, Tommy. 2006. *Pengantar Teori Komunikasi*. Yogyakarta: Media Pressindo.

Rusimah Sayuti, Mohd Ainuddin Iskandar & Salma Ishak. 2004. *Kajian Hubungan Kaum Di Kalangan Pelajar Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia*. Sintok : UUM.

Zulkifli Yusof. 2000. *Sukarkah Komunikasi Anda? Seni Berhubung dengan Orang Lain*. Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd.

About the Authors

Mohammad Abdillah bin Samsuiman is a Master's student at the Department of Arabic Studies and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia. He can be contacted at kalamhamba85@yahoo.com.

Asma Benjaman is a Master's student at the Department of al-Quran and Sunnah, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia. She can be contacted at l_humairah@yahoo.com.

Zamri Arifin is a Deputy Dean of Research and Innovation Faculty of Islamic Studies and also Associate Professor at the Department of Arabic Studies and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia. He can be contacted at abuzaim@ukm.my.

Hakim Zainal (MA) is a lecturer at the Department of Arabic Studies and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia. He can be contacted at haza@ukm.my.